



**ANGGARAN HASIL
KERAJAAN PERSEKUTUAN
TAHUN 2013**

***ESTIMATES OF FEDERAL
GOVERNMENT'S REVENUE FOR
THE YEAR 2013***



Kertas Perintah 12 Tahun 2012

MALAYSIA

DIKEMUKAKAN DALAM DEWAN RAKYAT MENURUT PERINTAH

**ANGGARAN HASIL
KERAJAAN PERSEKUTUAN
TAHUN 2013**

**KEMENTERIAN KEWANGAN
MALAYSIA**

KANDUNGAN
CONTENTS

**MUKA
SURAT**
PAGE

Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2013.....	1
Penjenisan Hasil.....	1
Semakan Semula Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2012.....	2
Hasil Cukai.....	
Cukai Langsung.....	3
Cukai Tidak Langsung.....	4
Hasil Bukan Cukai.....	6
Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan.....	7
Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan Bagi Tahun 2013.....	7
Hasil Cukai.....	
Cukai Langsung.....	7
Cukai Tidak Langsung.....	8
Hasil Bukan Cukai.....	10
Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan.....	11
Lampiran A1-A3	12
 Treasury Memorandum On The Federal Government's Revenue Estimates For The Year 2013.....	 21
Classification Of Revenue.....	21
Review Of Federal Government's Revenue For The Year 2012.....	22
Tax Revenue.....	
Direct Taxes.....	23
Indirect Taxes.....	24
Non-Tax Revenue.....	26
Non-Revenue Receipts and Revenue from the Federal Territories.....	26
Estimates Of Federal Government's Revenue For 2013.....	27
Tax Revenue.....	
Direct Taxes.....	27
Indirect Taxes.....	28
Non-Tax Revenue.....	30
Non-Revenue Receipts and Revenue from the Federal Territories.....	31
Appendix A1-A3	32
 Pro-forma Lembaran Imbangan Seperti Pada 31 Disember 2012 <i>Pro-forma Balance Sheet As At 31 December 2012.....</i>	 41
 Ringkasan Anggaran Hasil Malaysia Bagi Tahun 2013 <i>Abstract Of The Estimates Revenue Of Malaysia For The Year 2013...</i>	 45
 Butir-Butir Anggaran Hasil Tahun 2013 <i>Details Of Estimated Revenue For The Year 2013.....</i>	 47
 Jumlah Hasil Selepas Langkah-Langkah Percukaian <i>Total Revenue After Tax Measures.....</i>	 139

MEMORANDUM PERBENDAHARAAN MENGENAI ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2013

1. Memorandum ini menerangkan anggaran hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2013 dan semakan hasil bagi tahun 2012. Memorandum ini disediakan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan.
2. Hasil Kerajaan Persekutuan bagi tahun 2013 dianggarkan berjumlah **RM208,650** juta. Jumlah ini belum mengambil kira pengurangan hasil daripada langkah percukaian dalam Belanjawan 2013 yang dianggarkan sebanyak **RM529.2** juta. Butiran lanjut anggaran hasil bagi tahun 2013, anggaran asal dan disemak bagi tahun 2012 dan pungutan sebenar tahun 2011 masing-masing adalah seperti di **Lampiran A1 hingga A3**.

PENJENISAN HASIL

3. Hasil Kerajaan Persekutuan terbahagi kepada 4 kategori umum iaitu **Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai, Terimaan Bukan Hasil** dan **Hasil Daripada Wilayah Persekutuan**.
4. *Hasil Cukai* dikelaskan kepada Hasil Cukai Langsung dan Hasil Cukai Tidak Langsung. *Hasil Cukai Langsung* termasuklah hasil daripada:
 - a. cukai pendapatan (individu, syarikat, petroleum, pegangan dan koperasi);
 - b. duti setem;
 - c. cukai keuntungan harta tanah; dan
 - d. cukai aktiviti perniagaan Labuan.

Hasil Cukai Tidak Langsung pula termasuk hasil daripada duti eksport, duti import, duti eksais, cukai jualan, cukai perkhidmatan dan levi.

5. *Hasil Bukan Cukai* terdiri daripada:
 - a. lesen dan permit (merangkumi semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian hak kepada individu, perbadanan, perniagaan termasuk royalti daripada petroleum dan lain-lain perusahaan bagi tujuan kawalan atau peraturan dan lesen kenderaan bermotor);
 - b. bayaran perkhidmatan (merangkumi terimaan bagi perkhidmatan yang diberi oleh Kerajaan Persekutuan kepada orang awam);
 - c. perolehan daripada jualan barang (merangkumi terimaan daripada jualan harta benda fizikal yang dimiliki oleh Kerajaan termasuk tanah, bangunan, peralatan pejabat, stor dan jualan barang pelbagai jenis kepada orang awam);
 - d. sewaan (merangkumi sewa tanah, sewa bangunan, sewa kenderaan dan sewa jentera);
 - e. faedah dan perolehan daripada pelaburan (merangkumi faedah pinjaman yang diberi oleh Kerajaan, faedah bank, dividen yang diperolehi daripada bon atau saham dan perolehan daripada jualan pelaburan);
 - f. denda dan penalti; dan
 - g. sumbangan dan bayaran ganti rugi/pampasan daripada dalam dan luar negara.
6. *Terimaan Bukan Hasil* termasuk:
 - a. pulang balik perbelanjaan (merangkumi terimaan daripada Kumpulan Wang Yang Disatukan daripada tahun lepas, pulang balik gaji kerana perletakan jawatan dan pulang balik perbelanjaan latihan);
 - b. kredit antara jabatan (merangkumi pindahan dana di antara Kementerian atau Jabatan bagi perkhidmatan yang diberi di antara agensi Kerajaan);
 - c. pulang balik bagi bayaran berlebihan atau kekhilafan bayaran dalam tahun fiskal yang lalu;

- d. bayaran balik seperti bayaran balik ke atas sumbangan Kerajaan di bawah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja; dan
 - e. sumbangan daripada jabatan Kerajaan, badan berkanun atau syarikat milik Kerajaan.
7. Hasil daripada Wilayah Persekutuan terdiri daripada hasil cukai dan hasil bukan cukai termasuk penerimaan daripada lesen dan permit, premium, cukai tanah, jualan aset, sewaan, bayaran perkhidmatan dan duti hiburan.

SEMAKAN SEMULA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2012

8. Hasil Kerajaan Persekutuan disemak bagi tahun 2012 dijangka bertambah sebanyak RM21,388 juta atau 12% kepada RM207,246 juta berbanding anggaran asal 2012 yang berjumlah RM185,858 juta. Ini adalah disebabkan oleh peningkatan anggaran hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan yang masing-masing sebanyak RM17,923 juta, RM3,160 juta, RM224 juta dan RM81 juta. Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan disemak tahun 2012 dijangka meningkat sebanyak RM21,827 juta atau 12% kepada RM207,246 juta dibandingkan dengan kutipan sebenar tahun 2011 sebanyak RM185,419 juta. Peningkatan ini merangkumi hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan masing-masing sebanyak RM17,608 juta, RM3,964 juta, RM234 juta dan RM21 juta. Hasil cukai bagi tahun 2012 dijangka menyumbang sebanyak 74% kepada jumlah hasil sementara hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil Wilayah Persekutuan sebanyak 26%. Penyumbang utama peningkatan kutipan hasil Kerajaan Persekutuan pada tahun 2012 adalah dijangka daripada:

- a. cukai pendapatan syarikat sebanyak RM6,580 juta;
- b. cukai pendapatan petroleum sebanyak RM5,780 juta;
- c. cukai pendapatan individu sebanyak RM1,544 juta; dan
- d. hasil daripada akaun premium sebanyak RM4,000 juta.

9. Anggaran hasil disemak ini dipengaruhi oleh unjuran Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) nominal sebanyak RM936,219 juta dalam tahun 2012 berbanding unjuran asal sebanyak RM918,322 juta dalam Belanjawan 2012. Ini bermakna KDNK sebenar dijangka mengalami pertumbuhan antara 4.5% – 5.0% dalam tahun 2012.

10. Ringkasan anggaran disemak berbanding anggaran asal tahun 2012 bagi hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan adalah seperti di **Jadual 1**.

Jadual 1

Ringkasan Hasil Utama

Klasifikasi Hasil	2012 Anggaran Asal	2012 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	134,570	152,493	17,923	13
Hasil Bukan Cukai	50,227	53,387	3,160	6
Terimaan Bukan Hasil	554	778	224	40
Hasil daripada Wilayah Persekutuan	507	588	81	16
JUMLAH HASIL	185,858	207,246	21,388	12

Cukai Langsung

11. Anggaran hasil cukai langsung disemak bagi tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 2**. *Cukai langsung* dijangka menyumbang sejumlah RM116,825 juta iaitu 77% daripada jumlah hasil cukai atau 56% daripada jumlah hasil keseluruhan.

Jadual 2
Hasil Cukai Langsung

Klasifikasi Hasil	2012 Anggaran Asal	2012 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
CUKAI PENDAPATAN	96,439	110,687	14,248	15
Individu	20,901	22,445	1,544	7
Syarikat	47,556	54,136	6,580	14
Petroleum	26,182	31,962	5,780	22
Pegangan	1,461	1,800	339	23
Koperasi	314	323	9	3
Lain-lain	25	21	(4)	(16)
LAIN-LAIN CUKAI LANGSUNG	5,357	6,138	781	15
Duit Setem	4,820	5,570	750	16
Lain-lain	537	568	31	6
CUKAI LANGSUNG	101,796	116,825	15,029	15

12. Bagi tahun 2012, anggaran hasil disemak ke atas *cukai pendapatan* dijangka mencapai RM110,687 juta, iaitu 15% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM96,439 juta dan 14% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM96,732 juta. Cukai pendapatan dijangka menyumbang 73% kepada hasil cukai yang mana komponen utama adalah cukai pendapatan syarikat sebanyak 36%, cukai pendapatan petroleum sebanyak 21% dan cukai pendapatan individu sebanyak 15%.

13. Anggaran hasil disemak bagi *cukai pendapatan syarikat* dijangka sebanyak RM54,136 juta iaitu 14% lebih tinggi daripada anggaran asal 2012 yang berjumlah RM47,556 juta dan 15% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM46,888 juta. Pertambahan ini selepas mengambilkira faktor berikut:

- a. jangkaan KDNK nominal sebanyak RM936,219 juta bagi tahun 2012;
- b. syarikat membuat anggaran bayaran ansuran cukai bulanan yang lebih tinggi berbanding tahun 2011;
- c. peruntukan bayaran balik cukai menurun kepada RM7,000 juta berbanding RM7,400 juta pada tahun 2011;
- d. Peningkatan bilangan syarikat yang membayar cukai;
- e. Peningkatan aktiviti siasatan dan pengauditan serta kadar pematuhan yang lebih tinggi; dan
- f. Pelaksanaan inisiatif-inisiatif percukaian di bawah *Public Finance Reform* (PFR).

14. *Cukai pendapatan individu* pula dijangka meningkat sebanyak 7% kepada RM22,445 juta berbanding anggaran asal tahun 2012 yang berjumlah RM20,901 juta dan 11% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM20,203 juta. Antara faktor yang menyumbang kepada kenaikan hasil daripada cukai pendapatan individu adalah seperti berikut:

- a. semakan gaji sektor perkhidmatan awam bagi tahun 2012;
- b. pematuhan yang tinggi oleh pembayar cukai kesan daripada peningkatan kesedaran pembayar cukai dan aktiviti audit;
- c. penyiasaan yang lebih terperinci oleh pihak berkuasa cukai; dan
- d. penambahan bilangan pembayar cukai individu.

15. Hasil daripada *cukai pendapatan petroleum* dijangka meningkat 22% kepada RM31,962 juta dalam tahun 2012 berbanding anggaran asal sebanyak RM26,182 juta dan 15% lebih tinggi berbanding pungutan sebenar sebanyak RM27,748 juta dalam tahun 2011. Peningkatan ini disebabkan oleh faktor berikut:

- a. anggaran purata pengeluaran minyak mentah adalah sebanyak 579,000 tong sehari berbanding 569,800 tong sehari pada tahun 2011; dan
- b. syarikat membuat semakan anggaran bayaran ansuran bulanan yang lebih tinggi berbanding tahun 2011 terutamanya PETRONAS. Ini disebabkan PETRONAS telah menukar tahun kewangan yang berakhir 31 Mac setiap tahun kepada tahun kalendar iaitu berakhir 31 Disember setiap tahun.

Lain-lain Cukai Langsung

16. Hasil *lain-lain cukai langsung* yang terdiri daripada duti setem, cukai keuntungan harta tanah dan lain-lain cukai dijangka meningkat kepada RM6,138 juta bagi tahun 2012. Jumlah tersebut adalah 15% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM5,357 juta dan 11% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2011 berjumlah RM5,510 juta. Peningkatan ini berpunca daripada pertumbuhan ekonomi yang kukuh dalam tahun 2012 yang memberi kesan positif ke atas sektor hartanah dan pasaran saham.

Cukai Tidak Langsung

17. Anggaran hasil disemak bagi *cukai tidak langsung* bagi tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 3**. Cukai tidak langsung dijangka menyumbang sejumlah RM35,668 juta, iaitu 23% daripada jumlah hasil cukai dan 17% daripada jumlah hasil keseluruhan.

Jadual 3

Hasil Cukai Tidak Langsung

Klasifikasi Hasil	2012 Anggaran Asal	2012 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Duti Eksport	2,114	2,393	279	13
Duti Import	1,785	2,245	460	26
Duti Eksais	11,376	12,338	962	8
Cukai Jualan	8,926	9,185	259	3
Cukai Perkhidmatan	5,385	6,197	812	15
Levi	530	642	112	21
Lain-lain Cukai Tidak Langsung	2,658	2,668	10	0
CUKAI TIDAK LANGSUNG	32,774	35,668	2,894	9

Duti Eksport

18. Bagi tahun 2012, hasil disemak *duti eksport* dijangka berjumlah RM2,393 juta, iaitu 13% lebih tinggi daripada anggaran asal bagi tahun 2012 yang berjumlah RM2,114 juta dan 15% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM2,081 juta. Hasil disemak duti eksport minyak mentah dijangka meningkat 12% kepada RM2,297 juta berbanding anggaran asal bagi tahun 2012 yang berjumlah RM2,049 juta dan 15% lebih tinggi daripada pungutan sebenar berjumlah RM1,997 juta dalam tahun 2011. Peningkatan ini disebabkan oleh anggaran pengeksporan minyak mentah yang tinggi pada tahun 2012 iaitu sebanyak 12.93 juta tan berbanding 12.51 juta tan pada tahun 2011.

Duti Import dan Duti Eksais

19. Hasil disemak *duti import* bagi tahun 2012 dijangka berjumlah RM2,245 juta, iaitu 26% lebih tinggi berbanding anggaran asal 2012 yang berjumlah RM1,785 juta dan 11% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM2,026 juta. Hasil *duti eksais* untuk tahun 2012 dijangka meningkat sebanyak 8% kepada RM12,338 juta berbanding anggaran asal yang berjumlah RM11,376 juta dan 7% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM11,517 juta.

20. Hasil disemak daripada duti import ke atas *kenderaan CKD dan CBU* dijangka meningkat 67% kepada RM755 juta berbanding anggaran asal 2012 berjumlah RM453 juta dan 12% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM677 juta. Hasil disemak duti eksais ke atas kenderaan penumpang dijangka meningkat 9% kepada RM7,143 juta berbanding anggaran asal berjumlah RM6,529 juta dan 10% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM6,512 juta.

21. Hasil disemak duti import ke atas *minuman keras dan malt* dijangka meningkat sebanyak 19% kepada RM80 juta berbanding dengan anggaran asal 2012 sebanyak RM67 juta dan 1% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM79 juta. Manakala hasil daripada duti eksais ke atas barangan yang sama dianggarkan berjumlah RM1,513 juta, iaitu 16% lebih tinggi daripada anggaran asal 2012 yang berjumlah RM1,302 juta dan 4% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM1,457 juta.

22. Hasil duti import ke atas *tembakau, rokok dan cerut* pula dijangka meningkat sebanyak 11% kepada RM30 juta berbanding anggaran asal yang berjumlah RM27 juta pada tahun 2012 dan 11% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM27 juta. Hasil disemak tahun 2012 bagi duti eksais ke atas barangan yang sama dijangka berjumlah RM3,290 juta, iaitu 4% lebih tinggi daripada anggaran asal sebanyak RM3,157 juta dan 3% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM3,183 juta. Peningkatan ini selaras dengan inisiatif penguatkuasaan oleh Kastam di bawah *Public Finance Reform (PFR)*.

Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan

23. Anggaran hasil *cukai jualan* disemak dijangka meningkat kepada RM9,185 juta, iaitu 3% lebih tinggi daripada anggaran asal 2012 berjumlah RM8,926 juta dan 7% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM8,577 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan kutipan cukai jualan ke atas kenderaan yang dijangka menyumbang sebanyak 20% kepada keseluruhan kutipan cukai jualan.

24. Hasil disemak *cukai perkhidmatan* dijangka meningkat kepada RM6,197 juta, iaitu 15% lebih tinggi dari anggaran asal 2012 berjumlah RM5,385 juta dan meningkat 24% berbanding kutipan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM4,982 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan penggunaan perkhidmatan bercukai.

Levi

25. Hasil disemak *levi* dijangka meningkat 21% kepada RM642 juta berbanding anggaran asal 2012 berjumlah RM530 juta tetapi 30% lebih rendah daripada kutipan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM919 juta. Penurunan dalam anggaran disemak bagi *levi* berbanding kutipan sebenar tahun 2011 adalah disebabkan oleh jangkaan purata harga minyak sawit mentah (CPO) yang lebih rendah iaitu RM3,100 se tan pada tahun 2012 berbanding RM3,219 se tan pada tahun 2011.

Lain-lain Cukai Tidak Langsung

26. Hasil dari *lain-lain cukai tidak langsung* bagi tahun 2012 dijangka berjumlah RM2,668 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM10 juta daripada anggaran asal 2012 dan 5% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM2,541 juta.

Hasil Bukan Cukai

27. Anggaran *hasil bukan cukai* bagi tahun 2012 adalah seperti di **Jadual 4**. *Hasil bukan cukai* dijangka menyumbang sebanyak RM53,387 juta iaitu 26% daripada jumlah hasil keseluruhan pada tahun 2012. Jumlah ini adalah 6% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM50,227 juta dan 8% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM49,423 juta. Peningkatan anggaran hasil bukan cukai ini disebabkan oleh hasil disemak bagi *faedah dan perolehan daripada pelaburan* yang dijangka meningkat kepada RM36,967 juta, iaitu 9% lebih tinggi daripada anggaran asal 2012 berjumlah RM33,980 juta dan 9% lebih tinggi daripada kutipan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM34,005 juta. Antara hasil bagi *faedah dan perolehan daripada pelaburan* yang dijangka diterima dalam tahun 2012 adalah seperti berikut:

- a. dividen daripada PETRONAS sebanyak RM26,260 juta;
- b. dividen daripada Khazanah Nasional Berhad sebanyak RM3,000 juta;
- c. dividen daripada Bank Negara Malaysia sebanyak RM2,000 juta; dan
- d. akaun premium sebanyak RM4,000 juta.

Jadual 4

Hasil Bukan Cukai

Klasifikasi Hasil	2012 Anggaran Asal	2012 Anggaran Disemak	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Lesen dan Permit	11,701	11,820	119	1
Bayaran Perkhidmatan	1,231	1,305	74	6
Perolehan dari Jualan Barang	413	660	247	60
Sewaan	210	146	(64)	(30)
Faedah & Perolehan Pelaburan	33,980	36,967	2,987	9
Denda dan Penalti	1,380	1,027	(353)	(26)
Lain-lain	1,312	1,462	150	11
HASIL BUKAN CUKAI	50,227	53,387	3,160	6

Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan

28. Hasil disemak 2012 bagi *terimaan bukan hasil* dijangka berjumlah RM778 juta, iaitu 40% lebih tinggi daripada anggaran asal berjumlah RM554 juta dan 43% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM544 juta. *Hasil dari Wilayah Persekutuan* dianggarkan berjumlah RM588 juta, iaitu 16% lebih tinggi berbanding dengan anggaran asal 2012 yang berjumlah RM507 juta dan 4% lebih tinggi daripada pungutan sebenar tahun 2011 yang berjumlah RM567 juta.

ANGGARAN HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TAHUN 2013

29. Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan untuk tahun 2013, sebelum mengambil kira perubahan cukai yang dicadangkan dalam Belanjawan 2013, dianggarkan berjumlah RM208,650 juta, iaitu 1% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM207,246 juta. Peningkatan anggaran hasil ini disebabkan oleh faktor berikut:

- a. unjuran pertumbuhan ekonomi yang kukuh antara 4.5% – 5.5% dalam tahun 2013 yang menyumbang kepada peningkatan cukai yang lebih baik; dan
- b. dividen daripada PETRONAS sebanyak RM27,000 juta.

30. Bagi tahun 2013, *cukai langsung* dijangka menyumbang sebanyak RM121,953 juta atau 58% daripada jumlah keseluruhan hasil manakala hasil *cukai tidak langsung* pula dijangka berjumlah RM37,200 juta atau 18% daripada jumlah keseluruhan hasil. Ini bermakna hasil cukai adalah dijangka menyumbang sebanyak RM159,153 juta atau 76% daripada hasil Kerajaan Persekutuan. Sumbangan *hasil bukan cukai* dianggarkan berjumlah RM48,320 juta atau 23% daripada keseluruhan hasil manakala bakinya yang berjumlah RM1,177 juta merupakan *terimaan bukan hasil* dan *hasil daripada Wilayah Persekutuan*. Ringkasan komponen utama hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil daripada Wilayah Persekutuan adalah seperti di **Jadual 5**. Perbandingan anggaran hasil tahun 2013 dengan anggaran disemak 2012 adalah seperti di **Lampiran A3**.

Jadual 5

Ringkasan Komponen Utama Hasil

Klasifikasi Hasil	2012 Anggaran Disemak	2013 Anggaran Belanjawan	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	152,493	159,153	6,660	4
Hasil Bukan Cukai	53,387	48,320	(5,067)	(9)
Terimaan Bukan Hasil	778	584	(194)	(25)
Hasil daripada Wilayah Persekutuan	588	593	5	1
JUMLAH HASIL	207,246	208,650	1,404	1

Cukai Langsung

31. Anggaran hasil *cukai langsung* bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 6**. *Cukai langsung* dijangka menyumbang sebanyak RM121,953 juta iaitu 77% daripada jumlah hasil cukai atau 58% daripada jumlah hasil keseluruhan.

Jadual 6

Hasil Cukai Langsung

Klasifikasi Hasil	2012 Anggaran Disemak	2013 Anggaran Belanjawan	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
CUKAI PENDAPATAN	110,687	115,201	4,514	4
Individu	22,445	24,568	2,123	9
Syarikat	54,136	57,674	3,538	7
Petroleum	31,962	30,507	(1,455)	(5)
Pegangan	1,800	1,980	180	10
Koperasi	323	449	126	39
Lain-lain	21	23	2	10
LAIN-LAIN CUKAI LANGSUNG	6,138	6,752	614	10
Duti Setem	5,570	6,127	557	10
Lain-lain	568	625	57	10
CUKAI LANGSUNG	116,825	121,953	5,128	4

32. Anggaran *cukai pendapatan* bagi tahun 2013 dijangka berjumlah RM115,201 juta, iaitu 4% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2012 berjumlah RM110,687 juta. Peningkatan ini adalah berikutan jangkaan pertumbuhan KDNK antara 4.5% – 5.5% pada tahun 2013.

33. Anggaran *cukai pendapatan syarikat* bagi tahun 2013 dijangka berjumlah RM57,674 juta, iaitu 7% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM54,136 juta selepas mengambilkira peruntukan pulanganbalik cukai sebanyak RM7,000 juta bagi tahun 2013. *Cukai pendapatan individu* dianggarkan meningkat kepada RM24,568 juta atau 9% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2012 yang berjumlah RM22,445 juta. Ini adalah berdasarkan jangkaan pertumbuhan KDNK antara 4.5% – 5.5% dalam tahun 2013 serta keberhasilan daripada pelaksanaan langkah-langkah penguatkuasaan, pengauditan dan pematuhan yang lebih tinggi di kalangan pembayar cukai.

34. Anggaran *cukai pendapatan petroleum* bagi tahun 2013 pula dijangka menurun sebanyak 5% kepada RM30,507 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM31,962 juta. Anggaran hasil bagi tahun 2013 yang lebih rendah adalah disebabkan jangkaan penurunan purata harga minyak mentah (Tapis) daripada USD105.00 setong pada tahun 2012 kepada USD95.00 setong pada tahun 2013.

Lain-lain Cukai Langsung

35. Hasil daripada duti setem dijangka menyumbang sebanyak RM6,127 juta pada tahun 2013. Jumlah ini adalah 10% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2012 yang berjumlah RM5,570 juta. Ini adalah berdasarkan jangkaan pertumbuhan KDNK antara 4.5% – 5.5% dalam tahun 2013.

Cukai Tidak Langsung

36. Anggaran hasil *cukai tidak langsung* bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 7**. Cukai tidak langsung dijangka menyumbang sejumlah RM37,200 juta, iaitu 23% daripada jumlah hasil cukai atau 18% daripada jumlah hasil keseluruhan.

Jadual 7

Hasil Cukai Tidak Langsung

Klasifikasi Hasil	2012 Anggaran Disemak	2013 Anggaran Belanjawan	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Duti Eksport	2,393	2,512	119	5
Duti Import	2,245	2,357	112	5
Duti Eksais	12,338	12,782	444	4
Cukai Jualan	9,185	9,645	460	5
Cukai Perkhidmatan	6,197	6,507	310	5
Levi	642	623	(19)	(3)
Lain-lain Cukai Tidak Langsung	2,668	2,774	106	4
CUKAI TIDAK LANGSUNG	35,668	37,200	1,532	4

Duti Eksport

37. Hasil daripada *duti eksport* ke atas komoditi dijangka sebanyak RM2,512 juta, iaitu 5% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2012 yang berjumlah RM2,393 juta. Hasil daripada duti eksport ke atas minyak mentah dijangka meningkat 5% kepada RM2,411 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM2,297 juta. Peningkatan ini disebabkan oleh jangkaan anggaran pengeksporan minyak mentah yang tinggi pada tahun 2013 iaitu sebanyak 13.92 juta tan berbanding 12.93 juta tan pada tahun 2012.

Duti Import dan Duti Eksais

38. Hasil daripada *duti import* dalam tahun 2013 dijangka meningkat sebanyak 5% kepada RM2,357 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM2,245 juta ekoran jangkaan permintaan yang kukuh ke atas kenderaan import. Hasil daripada duti eksais bagi tahun 2013 pula dijangka meningkat 4% kepada RM12,782 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM12,338 juta. Jangkaan kenaikan kutipan duti eksais ini berikutan peningkatan permintaan ke atas rokok, minuman keras dan kenderaan bermotor.

39. Kutipan duti import bagi kenderaan bermotor dijangka meningkat sebanyak 5% kepada RM792 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM755 juta. Di samping itu, hasil daripada duti eksais ke atas kenderaan bermotor pula dijangka meningkat 4% kepada RM7,407 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM7,143 juta. Peningkatan ini disebabkan jangkaan permintaan yang lebih tinggi ke atas kenderaan bermotor.

40. Hasil daripada duti import ke atas *minuman keras dan malt* dijangka meningkat kepada RM84 juta atau 5% berbanding anggaran disemak 2012 yang berjumlah RM80 juta. Hasil daripada duti eksais ke atas barangan yang sama bagi tahun 2013 dianggarkan 3% lebih tinggi iaitu berjumlah RM1,565 juta berbanding dengan anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM1,513 juta. Hasil daripada duti import ke atas tembakau, cerut dan rokok juga dijangka meningkat sebanyak RM1 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM30 juta. Anggaran duti eksais ke atas barangan yang sama dijangka mencapai RM3,403 juta, iaitu 3% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM3,290 juta.

Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan

41. Hasil bagi *cukai jualan* dijangka meningkat kepada RM9,645 juta, iaitu 5% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM9,185 juta. Peningkatan ini adalah berdasarkan andaian peningkatan permintaan ke atas kenderaan dalam tahun 2013.

42. Hasil daripada *cukai perkhidmatan* dijangka meningkat sebanyak 5% kepada RM6,507 juta berbanding anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM6,197 juta. Peningkatan ini adalah selaras dengan unjuran pertumbuhan ekonomi pada antara 4.5% – 5.5% dalam tahun 2013.

Levi

43. Kutipan levi keuntungan luar biasa ke atas buah kelapa sawit dijangka menurun sebanyak 5% kepada RM450 juta bagi tahun 2013. Ini berdasarkan andaian penurunan purata harga CPO kepada RM3,000 se tan pada tahun 2013 berbanding RM3,100 se tan pada tahun 2012. Levi kenderaan barang dijangka menyumbang sebanyak RM173 juta, iaitu 3% lebih tinggi daripada anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM168 juta.

Lain-lain Cukai Tidak Langsung

44. Hasil daripada *lain-lain cukai tidak langsung* pada tahun 2013 dijangka berjumlah RM2,774 juta, iaitu 4% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2012 yang berjumlah RM2,668 juta.

Hasil Bukan Cukai

45. Anggaran bagi *hasil bukan cukai* bagi tahun 2013 adalah seperti di **Jadual 8**. *Hasil bukan cukai* dijangka menyumbang sebanyak RM48,320 juta atau 23% daripada jumlah hasil keseluruhan. Jumlah ini adalah 9% lebih rendah daripada anggaran disemak tahun 2012 sebanyak RM53,387 juta.

Jadual 8

Hasil Bukan Cukai

Klasifikasi Hasil	2012 Anggaran Disemak	2013 Anggaran Belanjawan	Perubahan	Peratus Perubahan
	(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
Lesen dan Permit	11,820	11,370	(450)	(4)
Bayaran Perkhidmatan	1,305	1,356	51	4
Perolehan dari Jualan Barang	660	667	7	1
Sewaan	146	155	9	6
Faedah & Perolehan Pelaburan	36,967	31,274	(5,693)	(15)
Denda dan Penalti	1,027	2,182	1,155	112
Lain-lain	1,462	1,316	(146)	(10)
HASIL BUKAN CUKAI	53,387	48,320	(5,067)	(9)

46. Anggaran hasil bagi tahun 2013 untuk *lesen dan permit* adalah dijangka sebanyak RM11,370 juta, iaitu 4% lebih rendah daripada anggaran disemak bagi tahun 2012 sebanyak RM11,820 juta. Penurunan ini disebabkan oleh jangkaan royalti petroleum yang lebih rendah dalam tahun 2013 berikutan anggaran purata harga minyak mentah (Tapis) yang lebih rendah pada tahun 2013 iaitu USD95.00 setong berbanding USD105.00 setong pada tahun 2012. Anggaran hasil 2013 bagi *perolehan dari jualan barang* dijangka sebanyak RM667 juta iaitu 1% lebih tinggi daripada anggaran disemak 2012 yang berjumlah RM660 juta. Manakala anggaran hasil 2013 bagi *faedah dan perolehan daripada pelaburan* dijangka sebanyak RM31,274 juta, iaitu 15% lebih rendah daripada anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM36,967 juta. Penurunan ini adalah disebabkan oleh pengurangan dividen daripada Khazanah Nasional Berhad kepada RM500 juta dan tiada terimaan daripada akaun premium. Walau bagaimanapun, dividen daripada Bank Negara Malaysia dijangka kekal sebanyak RM2,000 juta pada tahun 2013. Di samping itu, kutipan daripada denda dan penalti dijangka meningkat sebanyak 112% kepada RM2,182 juta pada tahun 2013, bebanding RM1,027 juta ekoran daripada pelaksanaan *Automated Enforcement System* (AES) oleh Jabatan Pengangkutan Jalan.

Terimaan Bukan Hasil dan Hasil daripada Wilayah Persekutuan

47. Bagi tahun 2013, jumlah *terimaan bukan hasil* dianggarkan sebanyak RM584 juta, iaitu menurun 25% berbanding anggaran disemak bagi tahun 2012 berjumlah RM778 juta. *Hasil daripada Wilayah Persekutuan* dianggarkan berjumlah RM593 juta, iaitu peningkatan sebanyak 1% daripada anggaran disemak bagi tahun 2012 yang berjumlah RM588 juta.

Perbendaharaan Persekutuan
Kementerian Kewangan Malaysia
September 2012

LAMPIRAN A1

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2012 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN
BELANJAWAN TAHUN 2012
(Selepas perubahan cukai)**

		2012 Anggaran Asal		2012 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1	HASIL CUKAI	134,570	72	152,493	74	17,923	13
	CUKAI LANGSUNG	101,796	55	116,825	56	15,029	15
1.1	CUKAI PENDAPATAN	96,439	52	110,687	53	14,248	15
	Cukai Pendapatan Individu	20,901	11	22,445	11	1,544	7
	Cukai Pendapatan Syarikat	47,556	26	54,136	26	6,580	14
	Cukai Pendapatan Petroleum	26,182	14	31,962	15	5,780	22
	Cukai Pegangan	1,461	1	1,800	1	339	23
	Cukai Pendapatan Koperasi	314	0	323	0	9	3
	Lain-Lain	25	0	21	0	(4)	(16)
1.2	CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	5,357	3	6,138	3	781	15
	Duti Setem	4,820	3	5,570	3	750	16
	Lain-Lain	537	0	568	0	31	6
	CUKAI TIDAK LANGSUNG	32,774	18	35,668	17	2,894	9
1.3	DUTI EKSPORT	2,114	1	2,393	1	279	13
	Minyak Mentah	2,049	1	2,297	1	248	12
	Kelapa Sawit	57	0	84	0	27	47
	Lain-lain	8	0	12	0	4	50
1.4	DUTI IMPORT	1,785	1	2,245	1	460	26
	Minuman Keras dan Malt	67	0	80	0	13	19
	Tembakau, Rokok & Cerut	27	0	30	0	3	11
	Kenderaan CKD dan CBU	453	0	755	0	302	67
	Lain-lain	1,238	1	1,380	1	142	11
1.5	DUTI EKSAIS	11,376	6	12,338	6	962	8
	Minuman Keras dan Malt	1,302	1	1,513	1	211	16
	Tembakau, Rokok & Cerut	3,157	2	3,290	2	133	4
	Kenderaan Bermotor	6,529	4	7,143	3	614	9
	Lain-lain	388	0	392	0	4	1

LAMPIRAN A1 - (Samb.)

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2012 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN
BELANJAWAN TAHUN 2012 - (Samb.)
(Selepas perubahan cukai)**

		2012 Anggaran Asal		2012 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.6	CUKAI JUALAN	8,926	5	9,185	4	259	3
1.7	CUKAI PERKHIDMATAN	5,385	3	6,197	3	812	15
1.8	LEVI	530	0	642	0	112	21
	Buah Kelapa Sawit	375	0	474	0	99	26
	Kenderaan Barang	155	0	168	0	13	8
1.9	LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,658	1	2,668	1	10	0
2	HASIL BUKAN CUKAI	50,227	27	53,387	26	3,160	6
2.1	LESEN DAN PERMIT	11,701	6	11,820	6	119	1
	Royalti petroleum	5,461	3	5,619	3	158	3
	Cukai jalan	2,191	1	2,230	1	39	2
	Lain-lain	4,049	2	3,971	2	(78)	(2)
2.2	BAYARAN PERKHIDMATAN	1,231	1	1,305	1	74	6
2.3	PENERIMAAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	413	0	660	0	247	60
2.4	SEWAAN	210	0	146	0	(64)	(30)
2.5	FAEDAH DAN PULANGAN DARIPADA PELABURAN	33,980	18	36,967	18	2,987	9
	Dividen PETRONAS	28,000	15	26,260	13	(1,740)	(6)
	Dividen Khazanah	2,800	2	3,000	1	200	7
	Dividen Bank Negara	2,000	1	2,000	1	0	0
	Lain-lain	1,180	1	5,707	3	4,527	384
2.6	DENDA DAN PENALTI	1,380	1	1,027	0	(353)	(26)
2.7	LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	1,312	1	1,462	1	150	11
3	TERIMAAN BUKAN HASIL	554	0	778	0	224	40
4	HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN	507	0	588	0	81	16
JUMLAH HASIL		185,858	100	207,246	100	21,388	12

LAMPIRAN A2

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2012 DIBANDINGKAN DENGAN PENERIMAAN
SEBENAR TAHUN 2011**

		2011 Penerimaan Sebenar		2012 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1	HASIL CUKAI	134,885	73	152,493	74	17,608	13
	CUKAI LANGSUNG	102,242	55	116,825	56	14,583	14
1.1	CUKAI PENDAPATAN	96,732	52	110,687	53	13,955	14
	Cukai Pendapatan Individu	20,203	11	22,445	11	2,242	11
	Cukai Pendapatan Syarikat	46,888	25	54,136	26	7,248	15
	Cukai Pendapatan Petroleum	27,748	15	31,962	15	4,214	15
	Cukai Pegangan	1,519	1	1,800	1	281	18
	Cukai Pendapatan Koperasi	357	0	323	0	(34)	(10)
	Lain-Lain	17	0	21	0	4	24
1.2	CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	5,510	3	6,138	3	628	11
	Duti Setem	4,929	3	5,570	3	641	13
	Lain-Lain	581	0	568	0	(13)	(2)
	CUKAI TIDAK LANGSUNG	32,643	18	35,668	17	3,025	9
1.3	DUTI EKSPORT	2,081	1	2,393	1	312	15
	Minyak Mentah	1,997	1	2,297	1	300	15
	Kelapa Sawit	73	0	84	0	11	15
	Lain-lain	11	0	12	0	1	9
1.4	DUTI IMPORT	2,026	1	2,245	1	219	11
	Minuman Keras dan Malt	79	0	80	0	1	1
	Tembakau, Rokok & Cerut	27	0	30	0	3	11
	Kenderaan CKD dan CBU	677	0	755	0	78	12
	Lain-lain	1,243	1	1,380	1	137	11
1.5	DUTI EKSAIS	11,517	6	12,338	6	821	7
	Minuman Keras dan Malt	1,457	1	1,513	1	56	4
	Tembakau, Rokok & Cerut	3,183	2	3,290	2	107	3
	Kenderaan Bermotor	6,512	4	7,143	3	631	10
	Lain-lain	365	0	392	0	27	7

LAMPIRAN A2 - (Samb.)

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

**ANGGARAN DISEMAK TAHUN 2012 DIBANDINGKAN DENGAN PENERIMAAN
SEBENAR TAHUN 2011 - (Samb.)**

		2011 Penerimaan Sebenar		2012 Anggaran Disemak		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.6	CUKAI JUALAN	8,577	5	9,185	4	608	7
1.7	CUKAI PERKHIDMATAN	4,982	3	6,197	3	1,215	24
1.8	LEVI	919	0	642	0	(277)	(30)
	Buah Kelapa Sawit	761	0	474	0	(287)	(38)
	Kenderaan Barang	159	0	168	0	9	6
1.9	LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,541	1	2,668	1	127	5
2	HASIL BUKAN CUKAI	49,423	27	53,387	26	3,964	8
2.1	LESEN DAN PERMIT	11,190	6	11,820	6	630	6
	Royalti petroleum	5,148	3	5,619	3	471	9
	Cukai jalan	2,183	1	2,230	1	47	2
	Lain-lain	3,859	2	3,971	2	112	3
2.2	BAYARAN PERKHIDMATAN	1,321	1	1,305	1	(16)	(1)
2.3	PENERIMAAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	107	0	660	0	553	517
2.4	SEWAAN	197	0	146	0	(51)	(26)
2.5	FAEDAH DAN PULANGAN DARIPADA PELABURAN	34,005	18	36,967	18	2,962	9
	Dividen PETRONAS	30,000	16	26,260	13	(3,740)	(12)
	Dividen Khazanah	300	0	3,000	1	2,700	900
	Dividen Bank Negara	2,000	1	2,000	1	0	0
	Lain-lain	3,680	2	5,707	3	2,027	55
2.6	DENDA DAN PENALTI	1,191	1	1,027	0	(164)	(14)
2.7	LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	1,412	1	1,462	1	50	4
3	TERIMAAN BUKAN HASIL	544	0	778	0	234	43
4	HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN	567	0	588	0	21	4
JUMLAH HASIL		185,419	100	207,246	100	21,827	12

LAMPIRAN A3

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN

**ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2013 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN
DISEMAK TAHUN 2012**

		2012 Anggaran Disemak		2013 Anggaran Belanjawan		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1	HASIL CUKAI	152,493	74	159,153	76	6,660	4
	CUKAI LANGSUNG	116,825	56	121,953	58	5,128	4
1.1	CUKAI PENDAPATAN	110,687	53	115,201	55	4,514	4
	Cukai Pendapatan Individu	22,445	11	24,568	12	2,123	9
	Cukai Pendapatan Syarikat	54,136	26	57,674	28	3,538	7
	Cukai Pendapatan Petroleum	31,962	15	30,507	15	(1,455)	(5)
	Cukai Pegangan	1,800	1	1,980	1	180	10
	Cukai Pendapatan Koperasi	323	0	449	0	126	39
	Lain-Lain	21	0	23	0	2	10
1.2	CUKAI LANGSUNG YANG LAIN	6,138	3	6,752	3	614	10
	Duti Setem	5,570	3	6,127	3	557	10
	Lain-Lain	568	0	625	0	57	10
	CUKAI TIDAK LANGSUNG	35,668	17	37,200	18	1,532	4
1.3	DUTI EKSPORT	2,393	1	2,512	1	119	5
	Minyak Mentah	2,297	1	2,411	1	114	5
	Kelapa Sawit	84	0	88	0	4	5
	Lain-lain	12	0	13	0	1	8
1.4	DUTI IMPORT	2,245	1	2,357	1	112	5
	Minuman Keras dan Malt	80	0	84	0	4	5
	Tembakau, Rokok & Cerut	30	0	31	0	1	3
	Kenderaan CKD dan CBU	755	0	792	0	37	5
	Lain-lain	1,380	1	1,450	1	70	5
1.5	DUTI EKSAIS	12,338	6	12,782	6	444	4
	Minuman Keras dan Malt	1,513	1	1,565	1	52	3
	Tembakau, Rokok & Cerut	3,290	2	3,403	2	113	3
	Kenderaan Bermotor	7,143	3	7,407	4	264	4
	Lain-lain	392	0	407	0	15	4

LAMPIRAN A3 - (Samb.)

PERUBAHAN ATAS BUTIR UTAMA HASIL KERAJAAN PERSEKUTUAN - (Samb.)

**ANGGARAN BELANJAWAN TAHUN 2013 DIBANDINGKAN DENGAN ANGGARAN
DISEMAK TAHUN 2012 - (Samb.)**

		2012 Anggaran Disemak		2013 Anggaran Belanjawan		Perubahan	Peratus Perubahan
		(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)	(RM Juta)	(%)
1.6	CUKAI JUALAN	9,185	4	9,645	5	460	5
1.7	CUKAI PERKHIDMATAN	6,197	3	6,507	3	310	5
1.8	LEVI	642	0	623	0	(19)	(3)
	Buah Kelapa Sawit	474	0	450	0	(24)	(5)
	Kenderaan Barang	168	0	173	0	5	3
1.9	LAIN-LAIN CUKAI TIDAK LANGSUNG	2,668	1	2,774	1	106	4
2	HASIL BUKAN CUKAI	53,387	26	48,320	23	(5,067)	(9)
2.1	LESEN DAN PERMIT	11,820	6	11,370	5	(450)	(4)
	Royalti petroleum	5,619	3	4,901	2	(718)	(13)
	Cukai jalan	2,230	1	2,341	1	111	5
	Lain-lain	3,971	2	4,128	2	157	4
2.2	BAYARAN PERKHIDMATAN	1,305	1	1,356	1	51	4
2.3	PENERIMAAN DARIPADA JUALAN BARANGAN	660	0	667	0	7	1
2.4	SEWAAN	146	0	155	0	9	6
2.5	FAEDAH DAN PULANGAN DARIPADA PELABURAN	36,967	18	31,274	15	(5,693)	(15)
	Dividen PETRONAS	26,260	13	27,000	13	740	3
	Dividen Khazanah	3,000	1	500	0	(2,500)	(83)
	Dividen Bank Negara	2,000	1	2,000	1	0	0
	Lain-lain	5,707	4	1,774	1	(3,933)	(69)
2.6	DENDA DAN PENALTI	1,027	0	2,182	1	1,155	112
2.7	LAIN-LAIN HASIL BUKAN CUKAI	1,462	1	1,316	1	(146)	(10)
3	TERIMAAN BUKAN HASIL	778	0	584	0	(194)	(25)
4	HASIL DARIPADA WILAYAH PERSEKUTUAN	588	0	593	0	5	1
JUMLAH HASIL		207,246	100	208,650	100	1,404	1

***ESTIMATES OF FEDERAL
GOVERNMENT'S REVENUE FOR
THE YEAR 2013***

**MINISTRY OF FINANCE
MALAYSIA**

**TREASURY MEMORANDUM ON THE FEDERAL GOVERNMENT'S
REVENUE ESTIMATES FOR THE YEAR 2013**

1. This Memorandum explains the revenue estimates of the Federal Government for 2013 and the revised revenue for 2012. The Memorandum is prepared in accordance with Article 99 of Federal Constitution.
2. The Federal Government's total revenue for 2013 is estimated at **RM208,650** million. This has not taken into account the decrease in revenue arising from the tax measures introduced in the 2013 Budget that is estimated at **RM529.2** million. Detailed estimates of the revenue for 2013, the revised and original estimates for 2012 and the actual collection for 2011 are in **Appendix A1 to A3**, respectively.

CLASSIFICATION OF REVENUE

3. The Federal Government's revenue is classified into 4 general categories, namely **Tax Revenue**, **Non-Tax Revenue**, **Non-Revenue Receipts** and **Revenue from Federal Territories**.
4. *Tax Revenue* is classified into Direct Tax Revenue and Indirect Tax Revenue. *Direct Tax Revenue* includes revenue from:
 - a. income tax (individual, company, petroleum, withholding and cooperative);
 - b. stamp duty;
 - c. real property gains tax; and
 - d. Labuan business activity tax.

Indirect Tax Revenue includes revenue from export duties, import duties, excise duties, sales tax, service tax and levies.

5. *Non-Tax Revenue* consists of:
 - a. licenses and permits (inclusive of all charges imposed on the granting of rights to individuals, corporations, businesses including petroleum royalty and other enterprises for purposes of regulation or control and motor vehicle licenses);
 - b. service fees (inclusive of receipts from services rendered by the Federal Government to the public);
 - c. proceeds from sales of goods (inclusive of receipts from the sales of physical assets owned by the Government including lands, buildings, office equipment, storage facilities and the sale of miscellaneous goods to the public);
 - d. rentals (inclusive of land rental, buildings rental, vehicles rental and rental for machinery);
 - e. interests and proceeds on investments (inclusive of interests on loans granted by the Government, bank interests, dividends earned from bonds or shares and proceeds from sale of investments);
 - f. fines and penalties; and
 - g. contributions and compensations from local and abroad.
6. *Non-Revenue Receipts* include:
 - a. refunds of expenditures (inclusive of receipts from the Consolidated Fund from the previous year, refund of salaries arising from resignations and refund of training expenses);
 - b. inter-departmental credits (inclusive of transfer of funds between Ministries or Departments for services rendered between Government agencies);

- c. refunds of overpayment or erroneous payments in the previous fiscal year;
- d. reimbursements such as reimbursement on Government contribution under the Employees Provident Fund Scheme; and
- e. contributions from Government departments, statutory bodies or Government owned enterprises.

7. Revenue from the Federal Territories consists of tax and non-tax revenue including receipts from licenses and permits, premiums, quit rent, sale of assets, rental, service fees and entertainment duties.

REVIEW OF FEDERAL GOVERNMENT'S REVENUE FOR THE YEAR 2012

8. The revised total Federal Government's revenue for 2012 is expected to increase by RM21,388 million or 12% to RM207,246 million compared to the 2012 original estimate of RM185,858 million. This is a result of increase in the estimate of tax revenue, non-tax revenue, non-revenue receipts and revenue from Federal Territories by RM17,923 million, RM3,160 million, RM224 million and RM81 million. The revised total revenue in 2012 is expected to increase by RM21,827 million or 12% to RM207,246 million compared to the actual revenue collected in 2011 at RM185,419 million. The increase comprises tax revenue, non-tax revenue, non-revenue receipts and Federal Territories revenue by RM17,608 million, RM3,964 million, RM234 million and RM21 million, respectively. Tax revenue for 2012 is expected to contribute 74% to the total revenue whereas non-tax revenue, non-revenue receipts and Federal Territories revenue contribute 26%. The main contributors to the increase in the Federal Government's revenue in 2012 are expected from:

- a. company income tax by RM6,580 million;
- b. petroleum income tax by RM5,780 million;
- c. individual income tax by RM1,544 million; and
- d. proceeds from premium account by RM4,000 million.

9. The revised estimates are based on the forecasted nominal Gross Domestic Production (GDP) at RM936,219 million in 2012 compared to the original forecast of RM918,322 million announced in the 2012 Budget. Thus, real GDP is expected to grow within the range of 4.5% – 5.0% in 2012.

10. A summary of the revised estimates compared to original estimates for 2012 for tax revenue, non-tax revenue, non-revenue receipts and Federal Territories revenue is as in **Table 1**.

Table 1

Summary of Main Components of Revenue

Revenue Classification	2012 Original Estimate	2012 Revised Estimate	Change	Percentage of Change
	(RM Million)	(RM Million)	(RM Million)	(%)
Tax Revenue	134,570	152,493	17,923	13
Non-Tax Revenue	50,227	53,387	3,160	6
Non-Revenue Receipts	554	778	224	40
Federal Territories Revenue	507	588	81	16
TOTAL REVENUE	185,858	207,246	21,388	12

Direct Taxes

11. The revised estimate for direct tax revenue in 2012 is provided in **Table 2**. *Direct Taxes* are expected to contribute RM116,825 million, which is 77% of the tax revenue or 56% of the overall total revenue.

Table 2
Direct Tax Revenue

Revenue Classification	2012 Original Estimate	2012 Revised Estimate	Change	Percentage of Change
	(RM Million)	(RM Million)	(RM Million)	(%)
INCOME TAXES	96,439	110,687	14,248	15
Individual	20,901	22,445	1,544	7
Company	47,556	54,136	6,580	14
Petroleum	26,182	31,962	5,780	22
Withholding	1,461	1,800	339	23
Cooperatives	314	323	9	3
Others	25	21	(4)	(16)
OTHER DIRECT TAXES	5,357	6,138	781	15
Stamp Duty	4,820	5,570	750	16
Others	537	568	31	6
DIRECT TAXES	101,796	116,825	15,029	15

12. In 2012, the revised estimate for *income taxes* is expected to be RM110,687 million, which is 15% higher than the original estimate of RM96,439 million and 14% higher than the actual collection of RM96,732 million in 2011. Income taxes are expected to contribute 73% to tax revenue of which the main components are 36% from company income tax, 21% from petroleum income tax and 15% from individual income tax.

13. The revised revenue estimate for *company income tax* is expected to be RM54,136 million, which is 14% higher than the 2012 original estimate of RM47,556 million and 15% higher than the actual collection of RM46,888 million in 2011. This increase takes into consideration the following factors:

- a. nominal GDP is expected at RM936,219 million in 2012;
- b. higher estimated monthly tax installments by companies compared to 2011;
- c. decrease in allocation for tax refunds to RM7,000 million compared to RM7,400 million in 2011;
- d. increase in number of corporate tax payers;
- e. increase in audit and investigation; and
